

BAB V

PENUTUP

5.1. PENDAHULUAN

Kajian ini merupakan satu analisis tentang aplikasi pelaksanaan *murābahah* dalam operasi Pegadaian Syariah Dewi Sartika, Jakarta, Indonesia. Secara khasnya kajian ini membahas tiga persoalan utama, iaitu pertama, mengkaji konsep transaksi *murābahah* emas dalam fiqh muamalah. Kedua, menjelaskan pelaksanaan akad *murābahah* transaksi emas, secara khasnya pada produk MULIA di Pegadaian Syariah Dewi Sartika. Ketiga, menganalisis adakah pelaksanaan akad *murābahah* pada produk MULIA tersebut selari dengan prinsip syariah, sama ada dari syarat dan rukun *murābahah* maupun hukum yang dijadikan landasan utama transaksi *murābahah* emas.

Untuk itu, dalam bab terakhir ini penulis akan membentangkan kesimpulan dan cadangan daripada kajian yang telah dilakukan, utamanya yang berkaitan dengan tiga perbahasan di atas.

5.2. KESIMPULAN

Analisis Pelaksanaan akad *murābahah* pada produk MULIA di Pegadaian Syariah Dewi Sartika.

A. Analisis pembayaran wang muka di awal transaksi.

Dalam amalan akad *murābahah* pada produk MULIA di Pegadaian Syariah Dewi Sartika, pelanggan disyaratkan untuk membayar wang muka sebesar 25% dari harga asal emas. Wang muka sebagai tanda keseriusan pelanggan dalam memesan barang *murābahah* (emas). Wang muka tersebut juga digunakan sebagai jaminan apabila pelanggan membatalkan pembelian emas. Pembayaran wang muka seperti ini telah dibenarkan oleh Imam Ahmad, iaitu selama wang muka tersebut dikira sebahagian dari harga barang. Ketentuan ini juga sesuai dengan fatwa DSN-MUI tentang *murābahah* dan wang muka dalam *murābahah*.

B. Analisis pelaksanaan akad *murābahah* pada produk MULIA di Pegadaian Syariah Dewi Sartika selari dengan prinsip Syariah.

Pelaksanaan akad *murābahah* pada produk MULIA yang diamalkan oleh Pegadaian Syariah Dewi Sartika belum sepenuhnya selari dengan syarak, kerana ianya belum memenuhi salah satu syarat *murābahah*. Sepatutnya syarat-syarat yang mestilah dipenuhi ialah adanya keredhaan antara penjual dan pembeli, objek *murābahah* jelas dan halal menurut syarak, adanya kesepakatan harga dan margin, objek *murābahah* sesuai ciri-cirinya dan bebas daripada riba. Manakala objek *murābahah* di Pegadaian Syariah Dewi Sartika ialah jongkong emas yang mana menurut hukum syarak jual beli emas dengan wang mestilah dilakukan secara tunai kerana kedua barang tersebut tergolong barang ribawi.

Adapun rukun-rukun *murābahah* telah dipenuhi, ianya ialah ucapan penawaran dan penerimaan (*sīgah*), adanya penjual dan pembeli (*al-ákidāni*) dan barang yang dijadikan objek jual beli (*al-ma'qūd álaih*).

C. Analisis Metod Penentuan Keuntungan (margin) Akad *Murābahah* pada Produk MULIA

Dalam menentukan besaran keuntungan, metod yang digunakan oleh Pegadaian Syariah Dewi Sartika ialah menentukan keuntungan dengan mengacu kepada kos pembuatan barang. Ini bererti ianya mengikut pendapat mazhab Mālikī. Adapun besaran margin adalah 1% dari harga emas. Ini bererti metod penggabunganlah (keuntungan+harga emas) yang digunakan, di mana keuntungan bukanlah terasing dari harga awal emas.

D. Analisis Risiko Pembiayaan *Murābahah* pada Produk MULIA

Untuk menghindari risiko kerugian yang diakibatkan dari pembiayaan, maka ada beberapa ketentuan yang disyaratkan oleh Pegadaian Syariah Dewi Sartika, seperti:

1. Menjadikan barang *murābahah* (emas) sebagai jaminan.

Ketentuan ini telah sesuai dengan fatwa No. 77/DSN-MUI/V/2010 tentang Jual Beli Emas Secara tidak Tunai yang membolehkan objek *murābahah* dijadikan jaminan. Apabila pelanggan mengalami gagal bayar selama 3 kali, maka sesuai perjanjian, barang jaminan akan dijual oleh pihak Pegadaian Syariah Dewi Sartika. Ini sesuai dengan fatwa No. 25/DSN-MUI/III/2002 tentang *Rahn*.

2. Pembayaran wang muka 25% dari harga asal emas ketika pelanggan melakukan pemesanan emas.

Pembayaran wang muka dalam akad *murābahah* dibolehkan, kerana ianya sebagai tanda keseriusan pelanggan dalam memesan barang *murābahah* (emas) dan

sebagai jaminan apabila pelanggan membatalkan pembelian maka kerugian Pegadaian Syariah Dewi Sartika akan dibayarkan dengan menggunakan wang muka tersebut. Ini sesuai dengan fatwa No. 13/DSN-MUI/IX/2000 tentang Wang Muka Dalam *Murābahah*.

E. Analisis Fatwa No. 77/DSN-MUI/V/2010 tentang Jual Beli Emas Secara Tidak Tunai.

Pada dasarnya, menurut keumuman daripada hadith Nabi saw tentang barang ribawi, maka emas tergolong salah satu barang ribawi yang mana dalam transaksi antara barang ribawi yang sejenis mestilah dilakukan secara tunai. Namun pada masa sekarang, terdapat perbezaan pendapat tentang hukum membeli emas secara tidak tunai. Golongan majoriti mengatakan hukumnya haram sepertimana hadith Nabi saw. Adapun yang menjadi hujjah mereka ialah adanya kesamaan *illah* antara emas dan wang, iaitu *thaman*.

Manakala golongan minoriti mengatakan harus. Hujjah mereka ialah kerana emas pada masa sekarang sudah tidak lagi digunakan sebagai alat tukar, namun ianya lebih kepada barang sepertimana pakaian. Ini bererti emas tersebut sudah tidak mengandungi *illah thaman*, maka ianya terlepas daripada hukum barang ribawi.

Landasan pelaksanaan akad *murābahah* emas pada produk MULIA di Pegadaian Syariah Dewi Sartika adalah fatwa No 77/DSN-MUI/V/2010 tentang jual beli emas secara tidak tunai. Dalam fatwa tersebut, DSN-MUI menjelaskan hukum asal jual beli emas beserta pandangan para ulama, sama ada ulama yang mengharamkan jual beli emas secara tidak tunai mahupun ulama yang mengharuskan. DSN-MUI juga menggunakan kaedah *uṣūl al-fiqh* dan juga kaedah fiqh. Dalam fatwa tersebut DSN-MUI menetapkan bahawa jual beli emas secara tidak tunai adalah diharuskan.

Setelah dilakukan kajian, maka didapati bahawa pendapat para ulama yang membolehkan jual beli emas secara tidak tunai hanya dimaksudkan untuk emas perhiasan sahaja, manakala emas biasa maka ianya mesti dibayarkan secara tunai. Ini bererti Pegadaian Syariah Dewi Sartika belum mempunyai landasan hukum yang sahih untuk menjadikan jongkong emas sebagai objek *murābahah*.

5.3. CADANGAN

Setelah penulis melakukan kajian dan juga mendedahkan kesimpulan daripada hasil kajian ini, maka penulis mencadangkan beberapa hal untuk dilakukan oleh pihak Pegadaian Syariah Dewi Sartika dan juga untuk bakal penulis selanjutnya. Harapan penulis semoga dengan cadangan ini, dapat menambah kejayaan Pegadaian Syariah dalam menawarkan produknya dan juga sebagai bahan acuan bagi para penulis untuk melakukan kajian lebih mendalam. Adapun cadangan-cadangannya ialitu:

5.3.1. Cadangan untuk Pegadaian Syariah Dewi Sartika

1. Hendaklah Pegadaian Syariah Dewi Sartika mempertimbangkan kembali komoditi yang dijadikan objek *murābahah* agar terhindar daripada amalan riba. Menggunakan emas perhiasan sebagai objek *murābahah* adalah lebih sesuai dan munasabah dengan fatwa DSN-MUI no. 77/DSN/MUI/V/2010 yang dijadikan landasan pelaksanaan produk MULIA.
2. Hendaklah pelanggan dibebaskan daripada kos insurans, kerana dalam jual beli *al-Murābahah li al-Āmir bi al-Shirā'*, sepanjang barang akad belum diserahkan kepada pelanggan, maka pihak Pegadaian Syariah yang

sepatutnya bertanggungjawab ke atas segala kerosakan yang terjadi pada objek *murābahah*.

5.3.2. Cadangan untuk bakal penulis selanjutnya

Kepada bakal penulis selanjutnya, maka penulis memberi cadangan seperti berikut:

1. Mengkaji akad *Rahn* yang menyertai akad *Murābahah* dalam produk MULIA.
2. Mengkaji kefahaman masyarakat terhadap pelaksanaan akad *Murābahah* pada produk MULIA di Pegadaian Syariah Dewi Sartika Jakarta.
3. Mengkaji tahap kepuasan pelanggan terhadap produk MULIA di Pegadaian Syariah Dewi Sartika Jakarta.

5.4. PENUTUP

Penulis mengharapkan penemuan dan kesimpulan serta cadangan dalam kajian ini dapat bermanfaat bagi Pegadaian Syariah Dewi Sartika, institusi kewangan lainnya, pelajar-pelajar dan juga masyarakat luas. Sehingga penemuan ini dapat menjadi acuan bagi institusi lainnya untuk mengamalkan konsep *murābahah* yang selari dengan syarak dan juga dapat menjadi acuan bagi pelajar untuk melakukan kajian selanjutnya. Manakala bagi masyarakat luas semoga dapat menjadi informasi yang memadai tentang kesahihan pengamalan akad *murābahah* pada produk MULIA di Pegadaian Syariah Dewi Sartika.